

Pendekatan Semantik Dalam Terjemahan Isti'arah Qurani Kepada Bahasa Melayu

Lubna Abd Rahman (Ph.D)

lubna@usim.edu.my

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Nasimah Abdullah (Ph.D)

nasimah@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Terjemahan semantik diperkenalkan oleh Peter Newmark (1981) dan termasuk dalam kategori terjemahan langsung. Melalui pendekatan ini, penterjemah menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur dan sintaksis teks sasaran. Dalam erti kata lain, pendekatan ini mementingkan bentuk teks asal. Pendekatan ini dikatakan lebih sesuai untuk terjemahan dokumen undang-undang, teks agama dan buku ilmiah. Walau bagaimana pun, terjemahan semantik ada kalanya tidak dapat menyampaikan maksud teks sumber dengan tepat dan jelas dalam bahasa sasaran, yang boleh menyebabkan terjemahan sukar difahami, terutamanya apabila menterjemah teks yang mengandungi gaya bahasa metafora dan seumpamanya. Justeru, kajian ini cuba meneliti terjemahan isti'arah dalam teks terjemahan al-Quran berbahasa Melayu untuk meninjau sama ada pendekatan semantik yang digunakan oleh penterjemah dapat menyampaikan makna dengan jelas atau sebaliknya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik analisis kandungan dan dihurai secara deskriptif. Beberapa terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa isti'arah dipilih secara rawak daripada teks terjemahan makna al-Quran yang diterbitkan oleh Yayasan Restu dan Hidayah House of al-Quran. Secara umumnya, kajian mendapati bahawa kebanyakan pendekatan semantik yang digunapakai dalam menterjemah isti'arah Qurani tidak dapat difahami dengan jelas dan dalam hal ini perlu kepada pendekatan atau strategi terjemahan lain atau gabungan kedua-duanya agar makna yang disampaikan dapat difahami oleh pembaca bahasa sasaran. Hal ini mungkin disebabkan oleh ketinggian gaya bahasa al-Quran yang adakalanya tidak dapat dihuraikan secara semantik atau lahiriah semata-mata.

Kata kunci: terjemahan al-Quran, isti'arah, semantik, Newmark

Semantic Approach in Translating Quranic Metaphor into Malay

Abstract

Semantic translation was introduced by Peter Newmark (1988) and falls into the category of direct translation. With this approach, translators interpret the exact contextual meaning in the original text as closely as the semantic and syntactic structures of the second language allow. Semantic translation has a source language bias; it is literal and the loyalty is to the source text (ST). This approach is believed to be more appropriate for the translation of legal documents, religious texts and scholarly books. However, semantic translation could not occasionally convey the meaning of the source text accurately and clearly in the target

language, which can make translation difficult to understand, especially when translating metaphors. Thus, this study attempts to examine the translation of Quranic metaphor into Malay to review whether the semantic approach used by the translators convey its meaning clearly or otherwise. This study employs qualitative method through content analysis technique which explains the data descriptively. Some translations of Quranic verses containing metaphors are selected randomly from two Malay Quran translation texts published by Yayasan Restu and Hidayah House of Quran. In general, the study found that most of the semantic approaches used in translating Quranic metaphors are not well comprehended. In this case it is necessary to utilize other translation approaches or procedures or to combine them with semantic translation approach so that the exact meaning of the metaphors can be understood by the target language readers. This may be due to the uniqueness of the Quranic stylistics which cannot be explained semantically in some occasions.

Keywords: Quran translation, metaphor, semantic, Newmark

Pendahuluan

Terjemahan ialah satu proses pemindahan mesej daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Kerja terjemahan biasanya terbatas disebabkan oleh perbezaan aspek linguistik, sosio-budaya, sejarah dan seumpamanya. Justeru, penterjemah mesti memahami bahasa sumber bukan hanya daripada sudut linguistik, tetapi juga daripada segi latar belakang budaya dan masyarakat. Penterjemah juga menghadapi kekangan dalam usaha mencari padanan terjemahan. Hal ini kerana terdapat pelbagai jenis peringkat kesepadanan dalam terjemahan seperti semantik, linguistik, stilistik, budaya, struktur tekstualiti, kesan kepada pembaca sasaran, komunikatif dan fungsi (Abdul-Raof, 2001: 8). Terjemahan yang baik ialah apabila mesej yang diterjemahkan itu mudah difahami oleh pembaca sasaran dan tidak menimbulkan kekeliruan serta ketaksaan makna kepada pembaca sasaran. Ketaksaan makna boleh merangkumi leksikal, struktural, leksikal dan struktural serta skop (Norliza Hani et. al., 1995: 8).

Salah satu isu yang sering timbul dalam terjemahan ialah gaya bahasa figuratif. Figuratif merujuk kepada makna perkataan, rangkai kata, dan sebagainya yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, atau bersifat kiasan atau lambang (Kamus Dewan: 2015). Setiap bahasa mempunyai gaya bahasa figuratif dan penggunaannya mungkin berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Dalam teks al-Quran terdapat banyak ungkapan figuratif dan pakar bidang linguistik Arab menamakannya sebagai *majāzi* yang mencakupi gaya bahasa *kināyah*, *isti`ārah* dan *majāz mursal*. Gaya bahasa figuratif yang terkandung dalam al-Quran merupakan salah satu seni pengungkapan makna dalam bentuk gambaran imaginatif yang sering dibincang dan dikupas (Komarudin, 2017).

Oleh kerana gaya bahasa figuratif ialah ungkapan dalam bentuk gambaran imaginatif, maka gaya bahasa tersebut perlu ditafsirkan dengan jelas ke dalam bahasa sasaran agar maksud sebenar ayat al-Quran dapat disampaikan dengan tepat berdasarkan konteks makna yang dimaksudkan oleh teks sumber. Ketepatan maksud dalam menterjemah ayat al-Quran penting supaya terjemahan yang dihasilkan dapat memberikan kefahaman yang betul kepada pembaca.

Perbincangan mengenai terjemahan gaya bahasa al-Quran dalam kalangan ahli penyelidik juga banyak diketengahkan, lazimnya apabila melibatkan isu ketakterjemahan gaya bahasa tersebut kepada bahasa sasaran. Penterjemah harus menggunakan pendekatan dan strategi yang sesuai apabila menterjemahkan ayat al-Qur'an yang mengandungi unsur figuratif agar mesej al-Quran difahami sepenuhnya (Nasimah & Lubna, 2016: 5).

Isu *isti'arah* atau metafora merupakan sebahagian daripada cabaran kepada penterjemah dalam proses terjemahan lebih-lebih lagi *isti'arah* dalam al-Quran. Dagut (1976) menegaskan bahawa bukan semua metafora boleh diterjemahkan secara kata demi kata kerana wujudnya perbezaan unsur-unsur budaya dan semantik antara bahasa yang masih boleh menentukan tahap kebolehterjemahan metafora secara kata demi kata atau sebaliknya.

Justeru, penulisan ini cuba meneliti terjemahan salah satu daripada gaya bahasa figuratif dalam al-Quran iaitu *isti'arah* dalam teks terjemahan al-Quran berbahasa Melayu untuk melihat sama ada pendekatan semantik yang digunakan oleh penterjemah dapat menyampaikan makna dengan jelas atau sebaliknya.

Terjemahan Semantik

Terjemahan semantik ialah salah satu pendekatan dalam kelompok penterjemahan langsung, selain terjemahan formal, relevans, harfiah dan literal. Penterjemahan langsung adalah selari dengan idea bahawa penterjemahan seharusnya menyampaikan maksud yang sama dengan teks yang asal dan setia kepada teks sumbernya. Penterjemah harus bebas daripada konteks pembaca sasaran dan mereka mesti bergantung pada konteks bahasa sumber. Ini dilakukan dengan tujuan menjamin kesan teks bahasa sumber supaya tidak terjejas. Kebiasaannya pendekatan ini banyak diaplikasikan dalam penterjemahan wacana sastera, perundangan, agama dan teks kudus (Puteri Rosalina, 2012).

Terjemahan semantik diperkenalkan oleh Peter Newmark bersama-sama dengan pendekatan terjemahan komunikatif pada 1981 dalam buku beliau "*Approaches to Translation*" dan dikemaskini kemudiannya dalam buku beliau "A Textbook of Translation" pada 1988. Menurut Newmark (1992), terjemahan semantik atau makna cuba menghuraikan makna konteks yang ada dalam teks sumber setepat mungkin setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Ini bermaksud terjemahan semantik memberi penekanan kepada usaha menghasilkan ujaran penulis asal (iaitu bahasa sumber) dengan setepat dan sehampir mungkin dalam bahasa sasaran dengan cuba mengekalkan sifat khusus teks asal.

Selain itu, Newmark (1992) juga menyatakan pendekatan ini tetap berkisar dalam budaya asal atau mengekalkan 'unsur budayanya'. Justeru, penterjemahan ini seolah-olah memberi penekanan kepada mesej sebenar teks asal dan mengetengahkan budaya konteksnya. Menurutnya lagi teks yang mempunyai bahasa khusus penutur atau penulis perlu diterjemahkan secara semantik seperti dokumen undang-undang, keagamaan, saintifik teknikal, politik dan kesusasteraan.

Walau bagaimana pun, Newmark (1992) sendiri mengandaikan bahawa terjemahan semantik selalu rendah mutunya daripada teks sumber kerana boleh menyebabkan kehilangan makna. Menurut Fauzi Jumingan (2006), penterjemah tidak akan menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya bahasa sasaran tetapi yang harus dikekalkan ialah bentuk asal teks sumber meskipun ada kalanya terjemahan yang dihasilkan agak kabur dan sukar difahami. Dalam hal

menghilangkan *mushabbah* iaitu (محمدًا). Ironinya terdapat hubungan keserupaan antara maksud yang dipindahkan pada i) (الصراف المستقيم) dan (الدين) daripada segi pegangan dan petunjuk, ii) (الظلمات) dan (الكفر) daripada segi perkara yang perlu dijauhi, iii) (النور) dan (الإيمان) daripada segi panduan dan iv) (أسدا) dan (محمدًا) daripada segi keberanian.

Manakala *isti'arah makniyyah* adalah bentuk yang tidak dinyatakan *mushabbah bih* atau *mushabbah bih* dibuang terus daripada ayat tetapi dikekalkan dalam ayat tersebut satu ciri *mushabbah bih* yang menunjukkan kaitan dengannya seperti ayat al-Quran dalam Surah Maryam (واشتعل الرأس شيبًا). Perkataan kepala iaitu (الرأس) sepatutnya tidak boleh digabungkan dengan menyala iaitu (اشتعل), bahkan yang menyala adalah api iaitu (النار) selaku *mushabbah bih*. Di sini ciri *mushabbah bih* yang menunjukkan kaitan dengannya dikekalkan iaitu (اشتعل).

Contoh lain adalah sabda Rasulullah SAW (الإيمان بضع وستون شعبة). Rasulullah menyandarkan perkataan cabang iaitu (شعبة) kepada iman iaitu (الإيمان) kerana adanya hubungan persamaan di antara pokok dan iman iaitu kedua-duanya mempunyai cabang dan ranting yang banyak. Namun, ungkapan *isti'arah* tersebut menggugurkan perkataan pokok selaku *mushabbah bih* dan diganti dengan perkataan cabang iaitu (شعبة) yang merujuk kepada *mushabbah bih* yang digugurkan.

Isti'arah tamthiliyyah pula adalah satu rangkai kata yang digunakan bukan dengan maknanya yang sebenar kerana adanya hubungan persamaan di antara makna sebenar dengan makna yang diingini, serta ada pula *qarinah* yang menghalang daripada difahami maknanya yang sebenar ('Abd 'Aziz 'Atiq, 2006). Contohnya sabda Rasulullah SAW (لا يلدغ المؤمن من حجر واحد مرتين) yang bermaksud orang mukmin tidak akan dipatuk di dalam lubang yang sama sebanyak dua kali. Ungkapan tersebut adalah *isti'arah tamthiliyyah* kerana dibandingkan perlakuan orang yang mengulangi kesalahan yang sama dengan orang yang dipatuk ular di dalam lubang yang sama. Kedua-dua keadaan ini menunjukkan kecuaiian.

Terdapat banyak gaya bahasa *Isti'arah* dalam al-Quran sama ada dalam bentuk susunan kalimat atau pun ungkapan yang memerlukan daya imaginasi yang tinggi dalam memahami keindahan dan keunikannya. Justeru, pemindahan mesej daripada bahasa sumber (iaitu al-Quran) kepada bahasa sasaran (iaitu teks terjemahan berbahasa Melayu) perlu ditafsirkan dengan jelas agar maksud sebenar ayat al-Quran dapat disampaikan dengan tepat berdasarkan konteks makna yang dimaksudkan oleh al-Quran. Dengan erti kata lain, pemindahan mesej al-Quran kepada bahasa Melayu tidak dapat dihuraikan secara lahiriah semata-mata dengan mengekalkan sifat khusus teks sumber. Pengekalan sifat khusus teks sumber boleh menyebabkan kehilangan keseluruhan makna atau sebahagian makna dalam bahasa sasaran ekoran perbezaan struktur semantik dan sintaksis antara dua bahasa yang berbeza.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan analisis kandungan yang dihurai secara deskriptif terhadap unsur *isti'arah* dalam teks terjemahan al-Quran yang menggunakan pendekatan terjemahan semantik oleh penterjemah untuk melihat sama ada pendekatan ini boleh menyampaikan makna dengan jelas atau sebaliknya. Dua (2) buah teks terjemahan al-Quran berbahasa Melayu dijadikan sebagai korpus kajian iaitu *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan* oleh Yayasan Restu (TQYR) dan *Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani* oleh al-Hidayah House of Quran (TQHHQ).

Kajian ini adalah dalam bidang linguistik terapan dengan melihat kepada teks terjemahan makna al-Qur'an daripada sudut pandangan teori terjemahan oleh sarjana Barat iaitu Peter Newmark. Oleh itu, proses analisis yang dilaksanakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kerangka Terjemahan Semantik yang diperkenalkan oleh Peter Newmark dalam bukunya "*Approaches to Translation*" pada tahun 1981 serta dikemaskini dalam bukunya yang kedua iaitu "*A Text book of Translation*" pada tahun 1988. Penulis akan menggunakan Terjemahan Semantik ini sebagai landasan asas kajian. Penulis akan menjadikan ciri-ciri yang terdapat pada definisi Terjemahan Semantik sebagai kayu ukur utama bagi analisis korpus yang dipilih.

Kajian ini membataskan gaya bahasa *isti'arah* dalam al-Quran yang diterjemahkan secara semantik sahaja sebagai data kajian. Data korpus kajian dikumpul dan dipilih secara persampelan berasaskan tujuan. Persampelan adalah satu teknik untuk memilih subjek daripada populasi yang digunakan sebagai sampel kajian (Ahmad Sunawari Long, 2016: 84). Persampelan berasaskan tujuan pula adalah pemilihan sampel kajian berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik yang sesuai dengan objektif kajian (Ahmad Sunawari Long, 2016: 86). Sehubungan dengan itu, penulis hanya memilih 10 ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa *isti'arah*, iaitu ayat 16, 27, 86, 175, 208, 256 dan 257 daripada Surah al-Baqarah, ayat 122 daripada Surah al-An'ām serta ayat 37 daripada Surah Yāsin.

Manakala, untuk memastikan kesahihan dan memahami maksud *isti'arah* Qurani, penulis merujuk tafsiran sarjana Islam seperti *Ibn Kathīr*, *al-Ṭabari*, *al-Qurtubi*, *al-Zamakhsyari*, *Ibn 'Asyur* dan *al-Sābuni*. Kajian ini juga menggunakan perisian komputer iaitu *Maktamah Syamilah* yang berfungsi sebagai perpustakaan digital dan buku elektronik bagi memudahkan carian ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa *isti'arah*. Penggunaan perisian ini adalah kerana teknik pencarian objek yang mudah dan mesra.

Bagi memudahkan analisis, data ayat al-Quran dan terjemahannya ditunjukkan dalam jadual bagi memudahkan penerangan, penjelasan dan perbandingan. Data yang mengandungi *isti'arah* akan ditanda dengan garisan di bawah.

Dapatan Kajian

Al-Quran mengandungi banyak gaya bahasa *isti'arah*. Kajian ini hanya menganalisa 9 ayat *isti'arah* Qurani yang diterjemahkan secara semantik oleh dua teks terjemahan al-Quran berbahasa Melayu iaitu *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan* oleh Yayasan Restu (TQYR) dan *Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani* oleh al-Hidayah House of Quran (TQHHQ). Jadual 1 di bawah menunjukkan penggunaan terjemahan semantik terhadap gaya bahasa *isti'arah* Qurani:

No	Ayat	Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan al-Hidayah
1	<p>﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ﴾ Al-Baqarah 2:16</p>	<p>Mereka itulah orang yang <u>membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk</u>. Maka, tidaklah beruntung peniagaan mereka dan tidaklah pula mereka mendapat hidayah (petunjuk).</p>	<p>Mereka itu adalah orang yang <u>membeli kesesatan dengan petunjuk</u>, maka tidaklah beruntung perniagaan mereka dan tidaklah pula mereka mendapat petunjuk.</p>
2	<p>﴿الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ﴾ Al-Baqarah 2:27</p>	<p>(Iaitu) orang yang <u>merombak (mencabuli) perjanjian Allah</u> setelah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya dihubungkannya (beriman dan menghubungkan silaturrahim dengan Nabi .s.a.w), serta mereka pula membuat kerosakan (dengan melakukan maksiat) di muka bumi. Mereka itulah orang yang rugi (kerana dimasukkan ke dalam neraka selamanya).</p>	<p>(Iaitu) orang yang <u>melanggar perjanjian (dengan) Allah</u> setelah perjanjian itu teguh dan memutuskan apa yang diperintahkan Allah (kepada mereka) untuk menghubungkannya dan membuat kerosakan di muka bumi. Mereka itulah orang yang rugi.</p>
3	<p>﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ فَلَا يَخَفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُبْصَرُونَ﴾ Al-Baqarah 2:86</p>	<p>Mereka itulah orang yang <u>membeli (mengutamakan) kehidupan dunia (dan kesenangannya) dengan (meninggalkan perintah-perintah Allah yang membawa kebahagiaan dalam kehidupan) akhirat</u>. Justeru itu, mereka tidak akan diringankan azab (pada hari kiamat), dan mereka pula tidak akan diberikan pertolongan (untuk menghindari azab itu).</p>	<p>Itulah orang yang <u>membeli kehidupan dunia dengan (kehidupan) akhirat</u>, maka tidak akan diringankan seksa mereka dan mereka tidak akan ditolong.</p>

- 4 ﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهَدَىٰ وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ فَمَا أَصْبَرَهُمْ عَلَى النَّارِ﴾
Al-Baqarah 2:175
- Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (agama Allah), dan (membeli) azab dengan meninggalkan keampunan Allah. Maka alangkah beraninya mereka menghadapi seksaan api neraka itu.
- Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk dan seksa dengan keampunan. Maka alangkah beraninya mereka menentang api neraka.
- 5 ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السَّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾
Al-Baqarah 2:208
- Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi segala hukum-hakamnya) secara keseluruhan dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.
- Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya dan janganlah kamu turuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.
- 6 ﴿لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِن بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾
Al-Baqarah 2:256
- Tidak ada paksaan dalam agama Islam (yakni untuk memeluknya). Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kekufuran). Oleh itu, sesiapa yang ingkar kepada Taghut (syaitan atau berhala) dan dia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.
- Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam), sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Kerana itu, barang siapa yang ingkar kepada taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.
- 7 ﴿اللَّهُ وَبِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَىٰ﴾
- Allah Pelindung (atau Pembela) orang yang beriman, Yang mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan). Sedangkan orang yang kafir,
- Allah pelindung orang yang beriman. Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kekafiran) kepada cahaya (iman). Dan orang yang kafir, pelindung-pelindungnya ialah syaitan yang

<p>الظُّلْمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿</p> <p>Al-Baqarah 2:257</p>	<p>pelindung-pelindung mereka ialah <i>Taghut</i>, yang <u>mengeluarkan mereka daripada cahaya (keimanan) kepada kegelapan (kekufuran)</u>. Mereka (orang kafir) itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.</p>	<p><u>mengeluarkan mereka dari cahaya kepada kegelapan (kekafiran)</u>. Mereka itu adalah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.</p>
<p>8 ﴿ أَوْ مَن كَانَ مَيِّتًا فَأَخْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُ فِي الظُّلْمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿</p> <p>Al-An'ām (6): 122</p>	<p>Adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami menghidupkannya semula (dengan hidayah), <u>lalu Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi</u> (sehingga dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah), dia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah Kami jadikan orang yang kafir itu memandang baik apa yang mereka kerjakan;</p>	<p>Dan apakah orang yang sudah mati kemudian dia Kami hidupkan dan <u>Kami berikan kepadanya cahaya yang terang</u>, yang dengan cahaya itu dia dapat berjalan di tengah-tengah masyarakat manusia, sama dengan orang yang keadaannya berada dalam gelap-gelita yang dia tidak mampu keluar darinya? Demikianlah Kami jadikan orang yang kafir itu memandang baik apa yang telah mereka kerjakan.</p>
<p>9 ﴿ وَءَايَةٌ وَآيَةٌ هُمْ اللَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلَمُونَ ﴿</p> <p>Yāsin (36): 37</p>	<p>Satu bukti lagi untuk mereka (berfikir) ialah malam. <u>Kami hilangkan siang daripadanya</u>, maka dengan serta-merta mereka berada dalam kegelapan;</p>	<p>Dan suatu tanda (kebesaran Allah) bagi mereka adalah malam; <u>Kami hilangkan siang daripada (malam) itu</u>, maka seketika itu mereka (berada dalam) kegelapan.</p>

Jadual 1: Terjemahan isti'arah

Terdapat beberapa contoh dalam Jadual 1 di atas mempunyai gaya bahasa *isti'arah* yang sama iaitu (... اشتروا... ..) seperti contoh (1), (3) dan (4). Lafaz (الشراء) digunakan di sini dengan pengertian figuratif iaitu *isti'arah*. Ini kerana kesesatan (الضلالة) dan kehidupan (الحياة) adalah sesuatu yang bersifat abstrak yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera. Maka adalah mustahil untuk kita membelinya. *Al-Zamakhshari* (1995) menjelaskan bahawa maksud sebenar lafaz (الشراء) adalah menukar atau memilih atau mengganti. Dalam konteks ini, perkataan (اشتروا) ialah *isti'arah tasrihiyyah* apabila disamakan seperti membeli barang atau mengambil sesuatu dan membayar harganya (al- Sābuni, 1981: 37, Jil. 1).

Dalam contoh ayat (2), penggunaan perkataan (ينقضون) merupakan *isti'arah makniyyah* apabila disandarkan kepada (العهد) yang disamakan seperti tali (al- Sābuni, 1981: 46, Jil. 1). Antara maksud semantik bagi kata dasarnya (نقض) ialah meleraikan, membatalkan, mungkir janji, melanggar (Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, 2006).

Gaya bahasa *isti'arah* dalam contoh ayat (5) iaitu (تبعوا خطوات الشيطان) diterjemahkan secara semantik oleh TQYR dan TQHHQ kepada “turuti langkah-langkah syaitan” dan “menuruti jejak langkah syaitan”. Lafaz ini menjadi *isti'arah* apabila dipinjamkan lafaz jejak langkah yang hakikatnya hanya nampak pada gerak laku manusia, sedang kita tidak nampak jejak langkah syaitan (*Ibn 'Asyur*, 1984: 279-280, Jil. 2).

Contoh (6) memperlihatkan ayat yang mengandungi frasa (العروة الوثقى) yang bermaksud “simpulan tali yang kuat” dan disandarkan kepada kata kerja (استمسك). Menurut tafsiran, gaya bahasa di sini ialah *isti'arah tamthiliyyah* kerana dibandingkan pegangan kepada agama Islam dengan pegangan kepada tali yang kuat (al- Sābuni, 1981: 164, Jil. 3). Terjemahan semantik yang dikaji dalam ayat dalam contoh (6) ini ialah “berpegang kepada simpulan tali yang amat kuat atau teguh”.

Dalam contoh (7), ayat (يخرجهم من الظلمات إلى النور) diterjemahkan secara semantik “yang mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya”. Gaya bahasa *isti'arah* terletak pada perkataan (الظلمات) dan (نور) iaitu *isti'arah tasrihiyyah* kerana tidak dinyatakan *mushabbah*. Perkataan (الظلمات) diterjemahkan kepada kegelapan dan (نور) kepada cahaya. Begitu juga contoh (8), iaitu ayat (وجعلنا له نورا يمشي به في الناس) mengandungi *isti'arah tasrihiyyah* yang memperlihatkan perkataan (نورا) sebagai *mushabbah bih*. Dalam konteks ini, *mushabbah* tidak dinyatakan.

Dalam contoh ayat (9), gaya bahasa *isti'arah* dalam ayat adalah frasa (نسلخ منه النهار) yang diterjemahkan kepada “Kami hilangkan siang daripadanya”. Menurut al-Qurtubi (2000), frasa ini menjelaskan kekuasaan Allah dalam kejadian siang dan malam dan merupakan *mushabbah*

bih. Hilangnya cahaya siang menandakan kewujudan malam dan disamakan seperti menanggalkan sesuatu untuk menzahirkan sesuatu yang lain (*mushabbah*). Justeru, frasa ini mengandungi *isti'arah tasrihiyyah*, kerana *mushabbah* tidak dinyatakan.

Perbincangan

Berdasarkan Jadual 1 di atas, lafaz (الشراء) dalam contoh (1), (3) dan (4) diterjemahkan secara semantik kepada “membeli ... dengan” seperti dalam Jadual 2 berikut:

	Contoh ayat	Terjemahan semantik
1	اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَى	membeli kesesatan dengan petunjuk
3	اشْتَرُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ	membeli kehidupan dunia dengan akhirat
4	اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَى وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ	membeli kesesatan dengan petunjuk dan seksa dengan keampunan

Jadual 2

Penulis berpendapat bahawa pembaca mungkin tidak dapat memahami dengan jelas apakah yang dimaksudkan dengan terjemahan ayat-ayat di atas. Dengan terjemahan semantik, perkataan (اشترؤا) yang diterjemah kepada “membeli” sahaja tidak dapat menyampaikan maksud sebenar yang dapat difahami secara mudah.

Jadual 1 menunjukkan kedua-dua teks terjemahan TQYR dan TQHHQ mengekalkan terjemahan semantik dalam ketiga-tiga contoh ayat tersebut. Walau bagaimanapun, TQYR dilihat membuat sedikit penambahan atau eksplisitasi dalam contoh ayat (3) iaitu menambah frasa seperti berikut:

“... membeli (mengutamakan) kehidupan dunia (dan kesenangannya) dengan (meninggalkan perintah-perintah Allah yang membawa kebahagiaan dalam kehidupan) akhirat...”.

Dengan yang demikian, maksud ayat dilihat lebih mudah difahami berbanding terjemahan semantik semata-mata walaupun terjemahan kelihatan lebih panjang. Ini juga bertepatan dengan tafsiran ahli tafsir seperti *Ibn Kathir* (2000) dan *al-Tabari* (2005) yang menyatakan maksud (اشترؤا) dalam konteks ayat ini adalah “mengutamakan”. Manakala, tafsiran ahli tafsir seperti *al-Zamakhsyari* (1995: 1: 134) untuk (اشترؤوا الضلالة بالهدى) dalam contoh ayat 1 dan 4 pula merujuk kepada “mengambil atau memilih kesesatan (menjadi kufur) dan meninggalkan petunjuk (keimanan)”.

Dalam contoh ayat (2) pula, terjemahan perkataan (ينقضون) kepada melanggar atau mencabuli dalam TQYR dan TQHHQ dilihat sebagai padanan yang sesuai untuk perkataan “perjanjian”. Justeru, mungkin tidak timbul sebarang kesamaran atau ketaksaan makna dalam terjemahan

ini. Begitu juga dengan contoh ayat (5), terjemahan gaya bahasa isti'arah (تبعوا خطوات الشيطان) secara semantik oleh TQYR dan TQHHQ kepada “turuti langkah-langkah syaitan” dan “menuruti jejak langkah syaitan” mungkin tidak memberi kesukaran kepada pembaca sasaran untuk terus memahaminya.

Secara umumnya, terjemahan contoh (2) dan (5) boleh difahami kerana terjemahan semantikanya menepati padanan antara kata kerja dan objeknya, namun persoalan mungkin timbul apakah yang dimaksudkan dengan perjanjian Allah dan jejak langkah syaitan secara lebih khusus. Justeru, penulis menyarankan agar eksplisitasi dilakukan berdasarkan tafsiran ulama, sama ada eksplisitasi dalam bentuk nota kaki mahupun perluasan berbentuk kurungan. Dalam tafsir al-Jalalayn, “melanggar perjanjian Allah” bermaksud melanggar kewajiban yang ditugaskan Allah kepada mereka dalam Kitab-Kitab Suci berupa keimanan kepada Nabi Muhammad saw (<https://tafsirq.com/2-al-baqarah/ayat-27>). Manakala, “menurut jejak langkah syaitan” pula merujuk kepada perbuatan yang menyalahi hukum Islam dan syariatnya (al-Tabari, 2005).

Dalam contoh (6) pula, frasa isti'arah (العروة الوثقى) yang diterjemahkan secara semantik kepada “berpegang kepada simpulan tali yang amat kuat atau teguh” semata-mata seperti teks TQHHQ mungkin tidak dapat menyampaikan makna yang mudah difahami oleh pembaca. Namun didapati teks TQYR telah melakukan eksplisitasi dengan menambah perkataan “agama” bagi menjelaskan maksud sebenar frasa (العروة الوثقى). Hal ini membantu pembaca untuk memahami kehendak ayat.

Begitu juga dengan contoh ayat (7), terjemahan semantik semata-mata tidak dapat menjelaskan maksud sebenar ayat. Terjemahan semantik (الظلمات) kepada kegelapan dan (نور) kepada cahaya masih menimbulkan kesamaran dalam memahami ayat. Namun, kedua-dua teks terjemahan TQYR dan TQHHQ didapati membuat penambahan atau eksplisitasi seperti dalam Jadual 1 seperti berikut: “mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan)” bagi menjelaskan maksud kedua-dua gaya bahasa isti'arah tersebut. Di sini, kegelapan dibandingkan dengan kekafiran dan cahaya dibandingkan dengan iman selaras dengan tafsiran ahli tafsir seperti al-Tabari (2005).

Contoh (8) dalam Jadual 1 menunjukkan teks TQHHQ mengekalkan terjemahan semantik semata-mata dalam menterjemahkan perkataan (نورا) kepada cahaya. Namun, TQYR dilihat membuat sedikit penambahan atau eksplisitasi dengan menambah perkataan “iman” yang diletak dalam kurungan seperti berikut: “lalu Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi”. Ini selaras dengan apa yang dijelaskan oleh Al-Qurtubi (2000) dan al-Tabari (2005) bahawa maksud sebenar lafaz (نورا) adalah iman dan petunjuk hidayah iaitu al-Quran. Oleh itu, terjemahan semantik semata-mata yang diaplikasikan oleh TQHHQ iaitu “... Kami berikan kepadanya cahaya yang terang...” mungkin tidak dapat menyampaikan makna yang mudah difahami oleh pembaca.

Dalam contoh ayat (9), frasa isti'arah (نسلخ منه النهار) diterjemahkan secara semantik kepada “Kami hilangkan siang daripadanya”. Penulis berpendapat terjemahan tersebut mungkin boleh

difahami oleh pembaca sasaran, kerana hilang bermaksud tidak kelihatan lagi, ghaib, lenyap atau tidak ada lagi (Kamus Dewan, 2015). Maksud ini menggambarkan kepada kita bahawa cahaya siang akan lenyap apabila tiba waktu malam.

Penutup

Terjemahan semantik ialah pendekatan yang dikatakan sesuai oleh sesetengah penyelidik untuk diaplikasikan bagi teks agama seperti al-Quran kerana memelihara ciri khusus teks tersebut. Walau bagaimanapun, penggunaan pendekatan ini semata-mata perlu diberi perhatian oleh penterjemah apabila menterjemah bahasa figuratif atau uslub metafora yang adakalanya tidak dapat difahami dengan jelas sekiranya terjemahan semantik digunakan.

Daripada contoh ayat yang dikaji, ternyata bahawa terdapat gaya bahasa isti'arah yang tidak boleh diterjemahkan secara semantik semata-mata kerana tidak dapat memberi gambaran jelas atau maksud sebenar yang boleh difahami pembaca. Oleh itu, didapati bahawa ada penterjemah yang menggunakan strategi atau prosedur tambahan bagi membantu menjelaskan isti'arah Qurani tersebut seperti teknik eksplisitasi atau perluasan berbentuk kurungan, terutamanya bagi isti'arah yang hanya menzahirkan *mushabbah bih* sahaja. Eksplisitasi melalui nota kaki juga boleh digunakan untuk memberi penjelasan tentang maksud sebenar isti'arah Qurani ini. Namun, penjelasan haruslah bersandarkan kepada tafsiran yang muktabar.

Oleh itu, dalam penterjemahan gaya bahasa isti'arah dalam al-Quran, terjemahan semantik yang tidak dapat memberi maksud jelas kepada pembaca perlu disokong dengan strategi atau prosedur lain yang boleh membantu kefahaman mereka.

Rujukan

- Abdul-Raof, Hussein. (2001). *Qur'an Translation: Discourse, Texture and Exegesis*. London and New York: Routledge. Cet.1.
- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Mushaf al-Iliktruniyy, Jami'ah al-Malik Sa'ud*. Dicapai pada 10 Mei 219 dari laman sesawang <http://quran.ksu.edu.sa/>
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan**. (2012). Shah Alam: Yayasan Restu. Cetakan 8.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. (1981). *Safwah al-Tafasir*. Beirut: Dar al-Quran al-Kareem. Cetakan ke-4.
- Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir. (2005). **Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aayi al-Quran Tafsir al-Tabari**. Dar al-Salaam, Cairo, Egypt.
- Al-Qurtubi, A.A. (2000). *Al-Jami' li ahkam al-Qur'an*. ed. Salim Mustafa al-Badri. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Zamakhshyari, M. (1995). *Al-Kashshaf*. ed. Muhammad Abdul Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Atiq, Abd Aziz. (2006). *Ilmu al-Bayan*. Kaherah: Dar al-Aafaq al-Arabiyyah. Cetakan Pertama.
- Bakri, S.A. (2001). *Al-balaghah al-arabiyyah fi thaubiha al-jadid*. Beirut: Dar al-ilm li al-malayin.
- Dagut, M. B. (1976). Can Metaphor be Translated. *Babel*. Vol. 22.

- Ibn ʿAsyur, Muhammad tahir. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr.
- Ibn Kathir, al-Imam al-Haafiz Imad al-Din Abu al-Fida' Ismail. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Tahqiq: Mustafa al-Syed Muhammad wa Muhammad al-Syed Rasyad wa Muhammad Fadhl al-'Ujmawi wa Ali Ahmad al-Baati. Al-Jiizah: Muasasah Qurtuba wa Maktabah Aulad al-Syeikh li al-Turath.
- Kamus Dewan**. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi keempat.
- Kamus Besar Dewan Arab-Melayu**. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Komarudin, R.E. (2017). Isti'arah Dan Efek yang ditimbulkannya dalam bahasa al-Qur'an Surah al-Baqarah dan Âli Imrân. *Jurnal al-Tsaqafa*, 14 (1), 214-234.
- Muhammad Fauzi, Jumingan. 2006. *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia. Cetakan pertama.
- Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman. (2016). Ayat Figuratif dalam al-Quran: Keperluan kepada Terjemahan Secara Kolektif. *Jurnal Penterjemah*. Jilid XVIII. Bil. 1. Jun 2016. 1-13.
- Newmark, P. (1992). *Pendekatan Penterjemahan* (terj: Zainab Ahmad & Zaiton Ab Rahman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Norliza Hani Md. Ghazali, Rogayah A. Razak, Siti Khadijah Mohammad dan Zahrah Ghafur. (1995). Peranan Hubungan Semantik: Pindahan Makna di dalam Terjemahan. *Jurnal Penterjemah*. Persatuan Penterjemah Malaysia. Disember 1995. 7-16.
- Puteri Rosalina, A.W. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Sarah, I. (2013). *Uslub Metafora Dalam Al-Qur'an: Kajian Terhadap Surah Al-Kahfi*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur.
- Siti Saudah, H. (1999). Ilmu Bayan Satu Perbandingan Dengan Bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 43-53.
- Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu**. (2017). Selangor: al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.

Penulis:

Lubna Abd Rahman (Ph.D.) merupakan pensyarah kanan dalam bidang pengajian Bahasa Arab di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau menjadi ahli akademik di USIM bermula dari 2005 sehingga kini. Pernah menjadi tenaga pengajar Bahasa Arab di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari 1999-2005. Bidang pengkhususan beliau ialah Linguistik Arab dan Terjemahan. Kini beliau dilantik sebagai Munassiq (Penyelaras) Sarjana Bahasa Arab (Terjemahan) di FPBU.

Nasimah Abdullah (Ph.D.) merupakan pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan pernah menjawat jawatan Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan) dari tahun 2013 hingga 2018 di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah di KUIS dari tahun 1999 hingga sekarang. Bidang pengkhususan beliau ialah Linguistik Arab dan Terjemahan.